



Maritim Langkawi menahan sebuah bot kerana melanggar syarat lesen.

## ***Padah langgar syarat lesen***

**LANGKAWI** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Langkawi menahan sebuah bot nelayan tempatan kelas A atas kesalahan melanggar syarat lesen kelmarin.

Pengarah Maritim Kedah dan Perlis, Laksamana Pertama Maritim Rozali Mohd Said berkata, tangkapan dibuat jam 9.48 pagi di kedudukan 0.7 batu nautika utara Tanjung Chinchin, Pulau Langkawi.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan mendapati seorang tekong bersama 30 awak-awak berusia antara 20 hingga 68 tahun berada di atas bot pukut jerut bilis tersebut.

"Melalui pemeriksaan lanjut, Maritim mendapati bot itu melakukan kesalahan melanggar syarat lesen iaitu memukat bilis kurang dari 1 batu nautika dari pantai di bawah Akta

Perikanan 1985 Seksyen 8(b)," katanya.

Susulan itu, Rozali berkata, pihaknya menahan dan membawa bot kelas A terbabit ke Jeti APMM untuk tindakan lanjut.

Katanya, Maritim komited dalam usaha membanteras aktiviti nelayan yang melanggar undang-undang sedia ada, dan berharap orang ramai dapat memberi kerjasama melaporkan aktiviti menyalahi undang-undang di perairan segera.

"Di samping itu, Maritim juga sedang giat melaksanakan Op Pagar Laut sempena musim perayaan bagi memastikan perairan Malaysia sentiasa selamat," katanya.

Sebarang aduan dan kecemasan di laut boleh hubungi talian 24 jam MERS 999 dan Pusat Operasi Pejabat Maritim Kedah dan Perlis di talian 04-9662750.